BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
September 2019

Inflasi keseluruhan menurun pada bulan September

Sumbangan kepada Inflasi



- Inflasi keseluruhan menurun kepada 1.1% pada bulan September (Ogos: 1.5%), mencerminkan luputnya kesan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST).
- Kesan SST yang luput terserlah bagi makanan di luar rumah, caj Internet dan jalur lebar, serta perkhidmatan televisyen berbayar.
- Inflasi teras[1] — tidak termasuk kesan perubahan dasar cukai penggunaan — secara relatif stabil pada 1.4% (Ogos: 1.5%).

[1] Pengiraan inflasi asas tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak termasuk kesan langsung perubahan dasar cukai.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

IPI keseluruhan meningkat kepada 1.9% pada bulan Ogos 2019

Sumbangan kepada IPI Keseluruhan



- Indeks Pengeluaran Industri (*Industrial Production Index*, IPI) keseluruhan mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 1.9% pada bulan Ogos (Julai: 1.2%). Subsektor perkilangan dan elektrik menjadi sederhana manakala subsektor perlombongan mencatatkan pengurangan yang lebih kecil.
- Kadar pertumbuhan sektor perkilangan meningkat 3.7% pada bulan Ogos (Julai: 4.0%) berikutan penutupan loji pengeluaran gas di Sarawak yang menjejaskan pengeluaran produk petroleum bertapis.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembiayaan aktiviti ekonomi mampan

Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih[1] dan Tahap Pengeluaran Pinjaman Sistem Perbankan



- Pada bulan September, pertumbuhan pembiayaan[2] bersih mampan pada 5.2% pada bulan September (Ogos: 5.2%), dalam keadaan pertumbuhan bon korporat terkumpul (September, Ogos: 9.0%) dan pinjaman terkumpul (September: 3.8%, Ogos: 3.9%) yang berterusan dalam segmen perniagaan dan isi rumah.
- Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan menurun kepada RM99.5 bilion (Ogos: RM101.4 bilion), tetapi kekal lebih tinggi daripada purata bulanan yang yang pernah dicatatkan iaitu RM93.0 bilion. Penurunan berbanding dengan bulan Ogos ini adalah disebabkan terutamanya oleh pengeluaran kepada isi rumah, terutamanya untuk pembelian sekuriti dan harta kediaman.

[2] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [tidak termasuk institusi kewangan pembangunan (IKP)] dan bon korporat terkumpul.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sorotan Bulanan
September 2019

Prestasi pasaran kewangan domestik terjejas akibat perkembangan global

Prestasi Pasaran Kewangan pada Bulan September



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Pada bulan September, pasaran kewangan domestik terus terjejas akibat perkembangan global dan perubahan sentimen pelabur. Pada awal bulan September, terdapat tanda-tanda awal kemajuan dalam perbincangan perdagangan global yang menyumbang kepada sentimen pelabur yang bertambah baik. Hal ini seterusnya menyebabkan penunjuk pasaran kewangan pada amnya mencatatkan keuntungan.
- Walau bagaimanapun, sentimen merosot menjelang akhir bulan kerana pelabur menjadi berhati-hati disebabkan oleh kebimbangan yang meningkat terhadap prospek pertumbuhan global dan pertikaian perdagangan global yang terus meruncing.
- Hasilnya, ringgit menambah nilai 0.8% berbanding dengan dolar AS, didorong oleh aliran masuk portfolio bersih bukan pemastautin pada bulan itu. Pelarasan dalam kadar bon domestik juga sangat kecil dalam keadaan permintaan yang berterusan daripada pelabur bukan pemastautin. Walau bagaimanapun, pasaran ekuiti domestik terus terjejas akibat ketidaktentuan global dengan FBM KLCI menyusut 1.8% pada bulan itu.

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

Nisbah Kecukupan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Institusi kewangan berada pada kedudukan yang kukuh untuk menghadapi kejutan makroekonomi dan kewangan yang teruk, dengan lebihan penampan modal[3] kira-kira RM110 bilion pada bulan September 2019.

[3] *Jumlah modal lebihan merujuk jumlah modal melebihi tahap pengawalseliaan minimum, yang meliputi keperluan penampan pengekalan modal dan keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi*

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 10/19/05

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Khamis, 31 Oktober 2019

SOROTAN BULANAN – SEPTEMBER 2019

Inflasi keseluruhan menurun pada bulan September

- Inflasi keseluruhan menurun kepada 1.1% pada bulan September (Ogos: 1.5%), mencerminkan luputnya kesan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST).
- Kesan SST yang luput terserlah bagi makanan di luar rumah, caj Internet dan jalur lebar, serta perkhidmatan televisyen berbayar.
- Inflasi teras[1] — tidak termasuk kesan perubahan dasar cukai penggunaan — secara relatif stabil pada 1.4% (Ogos: 1.5%).

IPI keseluruhan meningkat kepada 1.9% pada bulan Ogos 2019

- Indeks Pengeluaran Industri (*Industrial Production Index*, IPI) keseluruhan mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 1.9% pada bulan Ogos (Julai: 1.2%). Subsektor perkilangan dan elektrik menjadi sederhana manakala subsektor perlombongan mencatatkan pengurangan yang lebih kecil.
- Kadar pertumbuhan sektor perkilangan meningkat 3.7% pada bulan Ogos (Julai: 4.0%) berikutan penutupan loji pengeluaran gas di Sarawak yang menjejaskan pengeluaran produk petroleum bertapis.

Pembiayaan aktiviti ekonomi mampan

- Pada bulan September, pertumbuhan pembiayaan[2] bersih mampan pada 5.2% pada bulan September (Ogos: 5.2%), dalam keadaan pertumbuhan bon korporat

[1] Pengiraan inflasi asas tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak termasuk kesan langsung perubahan dasar cukai.
[2] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [tidak termasuk institusi kewangan pembangunan (IKP)] dan bon korporat terkumpul.

terkumpul (September, Ogos: 9.0%) dan pinjaman terkumpul (September: 3.8%, Ogos: 3.9%) yang berterusan dalam segmen perniagaan dan isi rumah.

- Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan menurun kepada RM99.5 bilion (Ogos: RM101.4 bilion), tetapi kekal lebih tinggi daripada purata bulanan yang yang pernah dicatatkan iaitu RM93.0 bilion. Penurunan berbanding dengan bulan Ogos ini adalah disebabkan terutamanya oleh pengeluaran kepada isi rumah, terutamanya untuk pembelian sekuriti dan harta kediaman.

Prestasi pasaran kewangan domestik terjejas akibat perkembangan global

- Pada bulan September, pasaran kewangan domestik terus terjejas akibat perkembangan global dan perubahan sentimen pelabur. Pada awal bulan September, terdapat tanda-tanda awal kemajuan dalam perbincangan perdagangan global yang menyumbang kepada sentimen pelabur yang bertambah baik. Hal ini seterusnya menyebabkan penunjuk pasaran kewangan pada amnya mencatatkan keuntungan.
- Walau bagaimanapun, sentimen merosot menjelang akhir bulan kerana pelabur menjadi berhati-hati disebabkan oleh kebimbangan yang meningkat terhadap prospek pertumbuhan global dan pertikaian perdagangan global yang terus meruncing.
- Hasilnya, ringgit menambah nilai 0.8% berbanding dengan dolar AS, didorong oleh aliran masuk portfolio bersih bukan pemastautin pada bulan itu. Pelarasan dalam kadar bon domestik juga sangat kecil dalam keadaan permintaan yang berterusan daripada pelabur bukan pemastautin. Walau bagaimanapun, pasaran ekuiti domestik terus terjejas akibat ketidaktentuan global dengan FBM KLCI menyusut 1.8% pada bulan itu.

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

- Institusi kewangan berada pada kedudukan yang kukuh untuk menghadapi kejutan makroekonomi dan kewangan yang teruk, dengan lebihan penampan modal[3] kira-kira RM110 bilion pada bulan September 2019.

Bank Negara Malaysia
31 Oktober 2019

[3] Jumlah modal lebihan merujuk jumlah modal melebihi tahap pengawalseliaan minimum, yang meliputi keperluan penampan pengekalan modal dan keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my